

KAEDAH MEDIASI SEBAGAI PENYELESAIAN KONFLIK HADANAH TERHADAP SALAH SEORANG PASANGAN MEMELUK ISLAM

MEDIATION METHOD AS A RESOLUTION OF HADANAH CONFLICT AGAINST ONE OF THE COUPLES CONVERTING TO ISLAM

ⁱ*Amalina Kamal Azmi & Zul-kifli Hussin

ⁱ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

*(Corresponding Author): amalinakamal23@gmail.com

ABSTRAK

Seksyen 82 Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004 memperuntukkan bahawa hak hadanah lazimnya diberikan kepada ibu selagi mana kelayakan tersebut tidak hilang. Walau bagaimanapun, konflik perundangan sering timbul apabila salah seorang pasangan memeluk Islam, manakala pasangannya kekal dalam agama asal, sekali gus mewujudkan pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Keadaan ini bukan sahaja merumitkan penentuan hak jagaan anak, malah berpotensi menjejaskan keharmonian keluarga serta kebajikan kanak-kanak yang terlibat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kaedah mediasi sebagai penyelesaian konflik hadanah terhadap salah seorang pasangan memeluk Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menggabungkan analisis dokumen dan kajian kes terpilih serta temu bual separa berstruktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa mediasi berupaya mencapai penyelesaian yang lebih harmoni berlandaskan prinsip tasamuh dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Kajian lanjutan dicadangkan bagi membangunkan model mediasi hadanah bagi pasangan penyelesaian konflik pasangan memeluk Islam yang lebih sistematik dan holistik.

Kata Kunci: *hadanah, konflik bidang kuasa, mediasi, pasangan beza agama, tasamuh*

ABSTRACT

Section 82 of the Islamic Family Enactment (Perak) 2004 provides that the right of hadanah is generally granted to the mother as long as she does not lose her eligibility. However, legal conflicts often arise when one spouse converts to Islam while the other remains in their original religion, thereby creating an overlap of jurisdiction between the Syariah Court and the Civil Court. This situation not only complicates the determination of child custody rights but also has the potential to disrupt family harmony and jeopardize the welfare of the children involved. Therefore, this study aims to evaluate mediation as a method for resolving hadanah conflicts involving Muslim couples. This study adopts a qualitative approach through the analysis of selected cases and semi-structured interviews. The findings indicate that mediation is capable of achieving more harmonious resolutions based on the principles of tasamuh (tolerance) and the best interests of the child. Further studies are proposed to develop a more systematic and holistic hadanah mediation model for resolving conflicts involving couples where one party converts to Islam

Keyword (s): *hadanah, interfaith couples, jurisdictional conflict, mediation, tasamuh*

Pendahuluan

Dalam institusi perkahwinan, kehadiran anak merupakan amanah besar yang perlu dipelihara oleh ibu bapa, bukan sahaja dari aspek kebajikan fizikal dan emosi, malah melibatkan pembentukan akidah, moral dan identiti diri. Islam menegaskan tanggungjawab ibu bapa dalam memelihara kesejahteraan anak sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang menuntut perlindungan terhadap diri dan keluarga daripada kebinasaan. Rasulullah (SAW) turut menegaskan bahawa setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah dan ibu bapa memainkan peranan utama dalam menentukan hala tuju kehidupan serta pegangan agama mereka. Prinsip ini menjadi asas kepada konsep hadanah dalam Islam yang bertujuan menjamin kebajikan dan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Konflik hadanah merupakan antara pertikaian kekeluargaan yang paling kompleks kerana ia melibatkan kebajikan, emosi dan masa depan kanak-kanak yang berada dalam situasi pasca perceraian. Kerumitan ini bertambah apabila pertikaian hadanah melibatkan pasangan berlainan agama, khususnya dalam kes pertukaran agama salah seorang pasangan kepada Islam. Dalam konteks Malaysia, situasi ini sering menimbulkan konflik perundangan yang berpanjangan akibat pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, sekali gus mewujudkan ketidakpastian undang-undang serta ketegangan antara ibu bapa yang akhirnya memberi kesan langsung kepada kesejahteraan kanak-kanak (Najibah Mohd Zin et al., 2019; Nursharina Shereen Hasmuri & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2022)

Dalam perundangan Islam, hadanah ditakrifkan sebagai hak penjagaan kanak-kanak yang bertujuan melindungi kepentingan terbaik mereka dari sudut fizikal, emosi, moral dan pendidikan agama. Prinsip ini menekankan bahawa hak penjagaan bukanlah hak mutlak ibu bapa, sebaliknya suatu amanah yang perlu dilaksanakan demi kebajikan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, dalam kes pasangan berlainan agama, penentuan hak hadanah sering menjadi polemik apabila prinsip Syariah perlu diharmonikan dengan undang-undang sivil yang berasaskan Perlembagaan Persekutuan, terutamanya berkaitan kebebasan beragama dan hak keibubapaan (Nursharina Shereen Hasmuri & Mohd Norhusairi Mat Hussin, 2022; Abdul Ghafur Hamid, 2014).

Penyelesaian konflik hadanah melalui perbicaraan mahkamah lazimnya bersifat adversarial dan menekankan pendekatan menang-kalah yang sering kali mengakibatkan konflik

berpanjangan antara ibu bapa. Beberapa kajian menunjukkan bahawa proses litigasi yang panjang bukan sahaja meningkatkan tekanan emosi ibu bapa, malah memberi kesan psikologi yang negatif terhadap kanak-kanak, termasuk rasa tidak selamat, konflik kesetiaan dan gangguan emosi jangka panjang (Abdul Hak, 2012; Mansor, 2025). Keadaan ini mencetuskan keperluan kepada kaedah penyelesaian alternatif yang lebih mesra keluarga dan berorientasikan kebajikan kanak-kanak.

Sehubungan itu, mediasi atau *ṣulh* semakin diiktiraf sebagai mekanisme alternatif penyelesaian konflik keluarga yang lebih fleksibel, inklusif dan berperikemanusiaan. Mediasi memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertikai untuk berunding secara bersama dengan bantuan pihak ketiga yang neutral, sekali gus mengurangkan ketegangan dan memupuk komunikasi yang konstruktif antara ibu bapa. Pendekatan ini selari dengan prinsip keadilan, tasamuh dan masalah dalam Islam serta prinsip *best interest of the child* dalam undang-undang antarabangsa (Ramizah Wan Muhammad, 2012)

Dalam konteks Malaysia, institusionalisasi *sulh* dalam Mahkamah Syariah merupakan satu langkah progresif ke arah penyelesaian konflik secara alternatif. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan *sulh* dalam kes hadanah pasangan berlainan agama masih terhad akibat kekangan perundangan, isu bidang kuasa serta kurangnya kesedaran pihak-pihak yang terlibat terhadap manfaat mediasi (Abd Rahman Shah et al., 2022; Nur Anis Abu Bakar et al., 2023; Mohd Naim Mokhtar, 2017; Zaleha Kamaruddin, 2011). Keadaan ini menunjukkan wujudnya jurang antara dasar yang diperkenalkan dan amalan sebenar dalam penyelesaian konflik hadanah.

Selain itu, faktor kemajmukan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang agama dan budaya menuntut pendekatan penyelesaian konflik yang lebih sensitif dan inklusif. Kajian berkaitan perkahwinan campur menunjukkan bahawa konflik keagamaan dan perbezaan nilai sering menjadi punca utama pertikaian keluarga, termasuk isu jagaan anak pasca perceraian (Ibrahim & Md Rasip, 2025; Siti Zubaidah Ismail, 2016; Abdullah Alwi Hassan, 2004). Dalam konteks ini, mediasi berpotensi menjadi platform dialog yang lebih berkesan berbanding perbicaraan formal yang cenderung memperkukuh konflik.

Pengalaman negara lain seperti Indonesia menunjukkan bahawa mediasi telah dijadikan prosedur mandatori dalam pertikaian keluarga, termasuk kes hadanah, dengan tujuan menggalakkan penyelesaian awal dan mengurangkan beban mahkamah. Pendekatan ini terbukti berkesan dalam meminimumkan konflik berpanjangan serta memelihara hubungan kekeluargaan demi kebajikan kanak-kanak (Khofifah Khoirun Umah et al., 2025; Mudzakkir, 2019). Perbandingan ini memperlihatkan potensi besar untuk memperkukuh peranan mediasi dalam sistem perundangan keluarga di Malaysia.

Walaupun terdapat pelbagai kajian yang membincangkan konflik bidang kuasa, prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dan pelaksanaan sulh dalam Mahkamah Syariah, kajian khusus yang menilai secara kritikal kelebihan mediasi berbanding perbicaraan dalam kes hadanah pasangan berlainan agama masih terhad. Kekurangan ini menunjukkan keperluan kepada analisis yang lebih sistematik dan holistik bagi menilai keberkesanan mediasi sebagai mekanisme penyelesaian konflik yang mampu melindungi kebajikan kanak-kanak serta mengekalkan keharmonian keluarga dalam masyarakat majmuk (Mansor, 2025; Abdul Ghafur Hamid, 2014).

Metodologi

Kajian penyelidikan memerlukan kepada tiga aspek utama dalam perbincangan metodologi kajian iaitu rekabentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data (Zul-kifli Hussin & Nurain Ab Hamid, 2022). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menilai keberkesanan kaedah mediasi dalam penyelesaian konflik hadanah pasangan Islam, khususnya apabila timbul isu pertindihan bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pengkaji meneliti fenomena secara mendalam, holistik dan kontekstual, seterusnya memahami implikasi sosial, psikologi dan perundangan yang wujud dalam konflik hadanah (Creswell, 2014; Abdul Hak, 2012).

Pengumpulan data dijalankan melalui dua kaedah utama iaitu analisis dokumen dan kajian kes terpilih, serta temu bual separa berstruktur. Analisis dokumen melibatkan semakan terhadap sumber primer seperti peruntukan undang-undang bertulis (contohnya Enakmen Keluarga Islam Negeri Perak 2004), Pengumpulan data dalam kajian ini bersifat primer dan sekunder. Menurut Nurul Adilah Hidzhir & Zul-kifli Hussin (2025), data primer merujuk kepada data yang diperoleh melalui temu bual separa berstruktur. Manakala, data sekunder melibatkan

analisis terhadap pelbagai bentuk dokumentasi seperti kajian literatur, bahan rujukan berkaitan kaunseling, tafsiran ilmiah, rakaman audio dan sumber-sumber sokongan lain yang relevan. Keputusan mahkamah terdahulu, fatwa dan petikan al-Quran yang berkaitan dengan hak penjagaan kanak-kanak. Sumber sekunder, termasuk jurnal ilmiah, buku, prosiding dan artikel akademik, turut dianalisis bagi memberikan perspektif yang lebih luas terhadap praktik mediasi, prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak dan pendekatan tasamuh dalam masyarakat majmuk (Mansor, 2025; Nursharina & Mohd Norhusairi, 2022).

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih kontekstual, kajian ini turut melibatkan temu bual separa berstruktur dengan seorang informan pakar dalam bidang pengajian kemanusiaan. Pemilihan informan dibuat secara bertujuan berdasarkan kepakaran, pengalaman dan pengetahuan mereka mengenai isu mediasi dalam konflik hadanah pasangan Islam. Sesi temu bual berlangsung selama 30–35 minit, membolehkan pengkaji mengajukan soalan tambahan secara spontan dan memperoleh data yang dinamik serta mendalam (Nor & Ramli, 2021).

Data yang diperoleh daripada dokumen dan temu bual dianalisis secara deskriptif dan tematik. Kedua-dua kaedah ini memastikan proses analisis dilakukan secara sistematik dan menyeluruh sekali gus menghasilkan pemahaman yang lebih mendalam dan teratur terhadap isu yang dikaji (Najmah et al., 2023). Proses analisis ini melibatkan pengkodan maklumat kepada beberapa tema utama seperti keberkesanan mediasi berbanding litigasi, realisasi prinsip kepentingan terbaik kanak-kanak, cabaran pelaksanaan mediasi dan pertindihan bidang kuasa.

Kesimpulannya, metodologi kajian ini menekankan penggabungan teori dan praktik lapangan, sekaligus membolehkan penilaian secara kritikal peranan mediasi dalam menyelesaikan konflik hadanah pasangan Islam, sambil memastikan dapatan kajian bersifat praktikal, relevan dan menyeluruh

Dapatan kajian

Kajian ini melibatkan seorang informan pakar yang mempunyai latar belakang dalam bidang Syariah dan perundangan Islam serta berpengalaman mengulas isu konflik agama dan undang-undang keluarga di Malaysia. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, beberapa tema utama dikenal pasti berkaitan pertikaian hak jagaan anak apabila salah seorang pasangan memeluk Islam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik hak jagaan anak dalam kes pertukaran agama bukanlah berpunca daripada kekaburan hukum Syariah, sebaliknya berpunca daripada konflik bidang kuasa antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil di Malaysia. Informan menegaskan bahawa dari sudut agama, tanggungjawab ibu bapa Muslim terhadap akidah anak adalah jelas berdasarkan konsep fitrah, namun pelaksanaannya menjadi rumit apabila perkahwinan asal pasangan tersebut didaftarkan di bawah undang-undang sivil. Keadaan ini menyebabkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan perkahwinan atau menentukan hak jagaan anak, sekali gus mencetuskan pertikaian berpanjangan.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa prinsip kebebasan beragama seperti yang terkandung dalam Surah al-Baqarah ayat 256 tidak boleh ditafsirkan secara literal tanpa mengambil kira konteks sebab penurunan ayat dan nas lain yang berkaitan. Informan menjelaskan bahawa ayat tersebut terpakai kepada bukan Muslim dan tidak menafikan tanggungjawab ibu bapa Muslim dalam membimbing anak ke arah Islam. Dalam konteks kanak-kanak, agama dan identiti masih belum terbentuk sepenuhnya dan berada di bawah tanggungjawab ibu bapa, namun kekangan undang-undang menyebabkan prinsip ini sukar direalisasikan.

Dapatan seterusnya menunjukkan bahawa pemberian hak jagaan anak kepada ibu sehingga anak mencapai umur mumayyiz atau baligh dianggap sebagai pendekatan yang lebih realistik dan selari dengan amalan undang-undang sivil, namun ia perlu disertai dengan pemberian hak lawatan yang munasabah kepada bapa. Informan menegaskan bahawa Islam tidak menggalakkan pemutusan hubungan kekeluargaan walaupun berlainan agama dan hubungan antara ibu bapa dan anak perlu terus dipelihara demi kesejahteraan emosi dan psikologi kanak-kanak.

Akhir sekali, dapatan kajian menekankan kepentingan pengukuhan mekanisme mediasi atau sulh sebagai kaedah penyelesaian konflik. Informan berpandangan bahawa pendekatan menang-menang melalui perundingan, penglibatan pihak ketiga yang neutral serta peranan aktif Jabatan Kebajikan Masyarakat mampu mengurangkan ketegangan antara pihak-pihak dan memastikan kebajikan kanak-kanak terpelihara secara menyeluruh, bukan sekadar dari sudut undang-undang tetapi juga aspek psikologi dan sosial.

Perbincangan

Perbincangan ini menghuraikan dapatan kajian dengan mengaitkannya kepada teori, prinsip Syariah dan kajian terdahulu bagi memahami secara lebih mendalam isu pertikaian hak jagaan anak dalam kes pertukaran agama. Dapatan kajian mengesahkan bahawa konflik yang berlaku bukan berpunca daripada ketidakcukupan prinsip Islam, sebaliknya berpunca daripada struktur perundangan dwisistem yang mewujudkan pertindihan dan kekangan bidang kuasa. Dalam konteks ini, undang-undang sivil berfungsi sebagai *villain* yang mengehadkan pelaksanaan prinsip Syariah, manakala pendekatan mediasi berperanan sebagai *hero* yang menawarkan penyelesaian lebih fleksibel dan berperikemanusiaan.

Jadual 1: Ringkasan tema utama dapatan kajian hasil temu bual bersama informan

<i>PERKARA</i>	<i>HURAIAN</i>	<i>TRANSKRIP</i>
<i>Konflik bidang kuasa perundangan</i>	Pertikaian hak jagaan anak berpunca daripada konflik antara undang-undang Syariah dan undang-undang sivil, khususnya apabila perkahwinan asal didaftarkan di bawah undang-undang sivil. Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk membatalkan perkahwinan atau menentukan hak hadanah	“Ini sebenarnya isu undang-undang... konflik undang-undang. Dari segi agama jelas, tapi undang-undang yang menyusahkan.”
<i>Hak jagaan dan hak lawatan</i>	Pemberian hak jagaan kepada ibu sehingga anak mencapai umur matang adalah lebih realistik, namun hubungan dengan bapa perlu dikekalkan melalui hak lawatan bagi menjaga kebajikan emosi kanak-kanak.	“Islam tak pernah kata putuskan hubungan... hak lawatan itu penting.”
<i>Kepentingan mediasi / sulh</i>	Mediasi atau perundingan perlu diperkasakan sebagai mekanisme penyelesaian konflik bagi mencapai penyelesaian menang-menang dan melindungi kebajikan kanak-kanak.	“Proses mediasi perlu dikuatkan... mesti ada orang tengah, win-win.”

<i>Peranan agensi sokongan</i>	Penglibatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan “JKM kena main pakar psikologi penting untuk memastikan peranan... dari segi kebajikan dan perkembangan emosi kanak-kanak psikologi dan terpelihara. kebajikan.”
--------------------------------	---

Dapatan mengenai tanggungjawab ibu bapa terhadap akidah anak menyokong teori fitrah yang menegaskan bahawa kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan suci dan dipengaruhi oleh pendidikan serta persekitaran ibu bapa. Walau bagaimanapun, realiti perundangan di Malaysia menyebabkan prinsip ini tidak dapat dilaksanakan secara mutlak apabila salah seorang ibu bapa kekal dalam agama asal. Keadaan ini selari dengan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa sistem litigasi sering gagal menyelesaikan konflik berasaskan identiti agama kerana sifatnya yang adversarial dan berorientasikan kemenangan sebelah pihak.

Perbincangan turut menunjukkan bahawa cadangan menunggu sehingga anak mencapai umur matang untuk menentukan agama sendiri, walaupun dilihat sebagai penyelesaian praktikal dari sudut undang-undang, mempunyai implikasi psikologi yang signifikan terhadap perkembangan identiti kanak-kanak. Dari perspektif psikologi perkembangan, konflik ibu bapa yang berpanjangan boleh memberi kesan negatif terhadap kestabilan emosi dan kesejahteraan mental kanak-kanak. Oleh itu, penyelesaian yang terlalu bergantung kepada keputusan mahkamah tanpa mengambil kira faktor emosi dan sosial dianggap tidak menyeluruh.

Dalam hal ini, pendekatan mediasi atau sulh muncul sebagai mekanisme yang lebih efektif dan selari dengan prinsip keadilan restoratif. Mediasi membolehkan kedua-dua pihak menyuarakan kebimbangan masing-masing, termasuk isu akidah dan kebajikan anak, tanpa terikat kepada kekangan prosedur undang-undang yang ketat. Peranan pihak ketiga seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kaunselor keluarga juga penting bagi memastikan kepentingan terbaik kanak-kanak menjadi fokus utama, selaras dengan pendekatan rentas disiplin yang menggabungkan undang-undang, Syariah dan psikologi.

Secara keseluruhan, perbincangan ini menegaskan bahawa penyelesaian konflik hak jagaan anak dalam kes pertukaran agama memerlukan anjakan daripada pendekatan litigasi semata-mata kepada penyelesaian berasaskan dialog, toleransi dan perlindungan kebajikan kanak-

kanak. Mediasi bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyelesaian konflik malah sebagai medium untuk memelihara hubungan kekeluargaan dan keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk.

Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa pertikaian hak jagaan anak dalam kes salah seorang pasangan memeluk Islam bukanlah berpunca daripada kekaburan prinsip Syariah, sebaliknya disebabkan oleh konflik bidang kuasa antara sistem perundangan Syariah dan sivil di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Islam telah menetapkan tanggungjawab ibu bapa Muslim dalam memelihara akidah anak berdasarkan konsep fitrah, namun pelaksanaannya menjadi terhad apabila perkahwinan asal pasangan tersebut tertakluk kepada undang-undang sivil. Keadaan ini menyebabkan Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa penuh dalam menentukan status perkahwinan dan hak jagaan anak, sekali gus menimbulkan ketegangan dan pertikaian berpanjangan antara pihak-pihak terlibat.

Selain itu, kajian ini mendapati bahawa pendekatan litigasi semata-mata gagal memberikan penyelesaian yang menyeluruh kerana sifatnya yang adversarial dan cenderung menghasilkan situasi menang-kalah. Keputusan mahkamah yang berasaskan peruntukan undang-undang semata-mata sering mengabaikan dimensi emosi, psikologi dan kebajikan kanak-kanak sebagai pihak yang paling terkesan. Dalam konteks ini, objektif kajian untuk menilai kesesuaian pendekatan alternatif telah dicapai apabila dapatan menunjukkan bahawa mediasi atau sulh merupakan mekanisme yang lebih fleksibel, berperikemanusiaan dan selari dengan prinsip keadilan Islam serta kepentingan terbaik kanak-kanak.

Kajian ini juga menjawab persoalan kajian berkaitan kedudukan hak jagaan dan hak lawatan dengan merumuskan bahawa pemberian hak jagaan kepada ibu sehingga anak mencapai umur matang, disertai dengan hak lawatan yang munasabah kepada bapa, merupakan pendekatan yang lebih realistik dalam kerangka undang-undang semasa. Pendekatan ini bukan sahaja dapat mengurangkan konflik antara ibu bapa yang berlainan agama, malah berupaya mengekalkan hubungan kekeluargaan dan kestabilan emosi kanak-kanak. Justeru, kajian ini menegaskan bahawa penyelesaian konflik hadanah dalam kes pertukaran agama memerlukan keseimbangan antara tuntutan Syariah, realiti perundangan dan kebajikan kanak-kanak.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh penyelesaian konflik hak jagaan anak dalam kes pertukaran agama. Pertama, mekanisme mediasi atau sulh perlu diperkasakan sebagai kaedah utama sebelum sesuatu kes dibawa ke peringkat litigasi. Proses ini wajar dilaksanakan secara berstruktur dengan penglibatan pihak ketiga yang neutral dan berautoriti, bagi memastikan rundingan yang dijalankan benar-benar berorientasikan kepentingan terbaik kanak-kanak serta menghasilkan penyelesaian secara menang-menang.

Kedua, kerjasama antara institusi perundangan Syariah dan sivil perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan pertindihan dan kekeliruan bidang kuasa dalam kes-kes berkaitan pertukaran agama. Penyelarasan dasar dan garis panduan bersama boleh membantu hakim, peguam serta pihak berkepentingan memahami had kuasa masing-masing, seterusnya mengelakkan keputusan yang bercanggah dan berlarutan. Dalam masa yang sama, cadangan ini mampu menjawab persoalan kajian berkaitan kelemahan struktur perundangan sedia ada dalam menangani konflik hadanah secara holistik.

Ketiga, peranan agensi sokongan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan kaunselor keluarga perlu diperkukuhkan dalam kes-kes hak jagaan anak yang melibatkan konflik agama. Pendekatan rentas disiplin yang menggabungkan aspek undang-undang, psikologi dan sosial penting bagi memastikan kesejahteraan emosi dan perkembangan kanak-kanak tidak terabai akibat pertikaian ibu bapa. Langkah ini selari dengan objektif kajian untuk mencadangkan penyelesaian yang bukan sahaja sah dari sudut undang-undang, malah berkesan dari sudut kemanusiaan.

Akhir sekali, kajian lanjutan dicadangkan untuk meneliti secara lebih mendalam keberkesanan mediasi dalam kes hadanah melibatkan pertukaran agama melalui kajian empirikal yang lebih luas, termasuk perspektif ibu bapa dan kanak-kanak. Kajian masa hadapan juga boleh menilai keperluan pembaharuan undang-undang bagi mewujudkan satu kerangka penyelesaian yang lebih harmoni dan adil dalam masyarakat majmuk. Dengan itu, sumbangan kajian ini bukan sahaja bersifat teoritikal, malah praktikal dan relevan dalam usaha memperkukuh sistem keadilan keluarga di Malaysia.

RUJUKAN:

- Abdul Ghafur Hamid. (2014). Konflik bidang kuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil dalam kes kekeluargaan Islam di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 18, 1–15.
- Abdul Hak, N. (2012). Family mediation in Asia: A special reference to the law and practice in Malaysia. *IIUM Law Journal*, 15(1), 1–24. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v15i1.63>
- Abd Rahman Shah, H., Mohd Ali, N., Che Musa, N., Yaakob, A., & Ab Halim, M. A. A. (2022). Sulh dan mediasi dalam talian dalam konflik kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan cabaran norma baharu. *Ulum Islamiyyah*, 34(3), 70–80. <https://doi.org/10.33102/ujj.vol34no3.490>
- Ibrahim, H., & Md Rasip, Z. (2025). Kahwin campur: Isu, konflik, dan peranan mediasi dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Sains Insani*, 10(1), 12–22. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol10no1.702>
- Khofifah Khoirun Umah, Rahma, Nur Fadhilah, & Mu'allifin, M. D. A. (2025). Islamic family mediation in Southeast Asia: An analysis of cultural legitimacy, legal structure, and contemporary dynamics in Indonesia and Malaysia. *Al-Mawarid: Jurnal Syariah dan Hukum*, 7(2), 215–234. <https://doi.org/10.20885/mawarid.vol7.iss2.art5>
- Mansor, A. M. (2025). Legal framework and implementation of mediation in child custody disputes at the Syariah Court of Malaysia. *Darulfunun Ilahiyat*, 35, 123–147. <https://doi.org/10.26650/di.2024.35.3.1430075>
- Mohd Naim Mokhtar. (2017). Sulh dalam sistem kehakiman Syariah di Malaysia: Isu dan cabaran pelaksanaan. *Jurnal Syariah*, 25(2), 241–260.
- Najibah Mohd Zin, Mohamed Jani, H., Hamid, A. G., & Abdul Hak, N. (2019). Jurisdictional conflict in interfaith child custody disputes: A legal discourse in Malaysian courts. *Al-Shajarah*, 24(1), 1–24. <https://doi.org/10.31436/shajarah.v24i1.851>
- Najmah, M., Ahmad, R., & Ismail, S. (2023). Analisis tematik dalam penyelidikan kualitatif: Aplikasi dalam kajian sosial dan perundangan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(4), 55–70.
- Nor, M. A., & Ramli, M. A. (2021). Temu bual separa berstruktur dalam penyelidikan kualitatif Islam: Pendekatan dan aplikasi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(2), 89–104.
- Nur Anis Abu Bakar, Nur Sarah Tajul Urus, & Mohd Hazwan Ismail. (2023). The role of sulh and mediation in family conflicts in Kedah Darul Aman: Legal and social implications. *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 37(2), 245–264. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no2)
- Nur Nadeera Faseeha binti Rozli, & Zul-kifli Hussin. (2025). Reframing polygamy: Positive impacts on marriage from the perspective of first wives in Malaysia. *Ahlika: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam*, 2(1), 36–66. <https://doi.org/10.70742/ahlika.v2i1.175>
- Nursharina Shereen Hasmuri, & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2022). Penentuan hak hadanah anak terhadap pasangan berlainan agama: Kajian terhadap kes-kes dalam Jurnal Hukum. *Journal of Shariah Law Research*, 7(1), 129–146. <https://doi.org/10.22452/jslr.vol7no1.7>
- Nurul Adilah Hidzahir, & Zul-kifli Hussin. (2025). Faktor-faktor yang mendorong isteri melakukan hibah kepada suami. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 11(1). <https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.2>
- Ramizah Wan Muhammad. (2012). The theory and practice of *ṣulḥ* (mediation) in the Malaysian Shariah Courts. *IIUM Law Journal*, 16(1), 1–18. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v16i1.42>
- Zainab, N. (2025). *Effectiveness of mediation in resolving child custody disputes in the Syariah courts: A case study in the Northern states of Malaysia* (Unpublished master's thesis). International Islamic University Malaysia.
- Zaleha Kamaruddin. (2011). Alternative dispute resolution in Islamic family law: The Malaysian experience. *Malayan Law Journal*, 3, 45–60.